

**PEMBERITAHUAN**  
**Waktu Operasi dan Langkah Pencegahan Semasa PKP, PKPB dan PKPP**

Pelanggan yang Dihargai,

Berikutan pengumuman kerajaan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang kini dikuatkuasakan di negeri atau daerah yang disasarkan di Malaysia, sila rujuk di bawah untuk waktu operasi cawangan dan Mesin Layan Diri kami, serta had masa pemprosesan cek:

	Cawangan di bawah PKP	Cawangan di bawah PKPB
<b>Waktu operasi cawangan</b>	10.00 pagi hingga 3.00 petang	10.00 pagi hingga 3.00 petang
<b>Waktu operasi Mesin Layan Diri</b>	6.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari	6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari
<b>Had masa pemprosesan cek</b>	2.00 petang	4.00 petang

	Cawangan di bawah PKPP		
<b>Waktu operasi cawangan</b>		Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur
	Isnin – Khamis (Pantai Timur: Ahad – Rabu)	9.00 pagi hingga 4.30 petang	8.45 pagi hingga 4.15 petang
	Jumaat (Pantai Timur: Khamis)	9.00 pagi hingga 4.00 petang	8.45 pagi hingga 3.45 petang
<b>Waktu operasi Mesin Layan Diri</b>	6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari		
<b>Had masa pemprosesan cek</b>	4.00 petang		

Pada masa yang sama, sila ambil perhatian bahawa langkah pencegahan seperti yang berikut telah diambil dengan serta-merta:

1. Sebagai langkah penjarakan fizikal, kami menghadkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada di dalam ruang perbankan kepada setakat di antara 5 hingga 10 pelanggan pada satu-satu masa, bergantung pada saiz cawangan.
2. Semua Prosedur Operasi Standard COVID-19 mestilah dipatuhi dengan ketat, seperti memakai pelitup muka atau pelindung muka, dan pemeriksaan suhu.
3. Pendaftaran diperlukan di mana pelanggan mesti mengimbas Kod QR MySejahtera di pintu masuk sebelum memasuki cawangan, atau mendaftar dengan memberikan nama dan nombor telefon mereka untuk rekod kami.
4. Anda digalakkan untuk melakukan transaksi perbankan anda melalui laman sesawang atau aplikasi AmOnline yang tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Klik [sini](#) untuk senarai penuh cawangan di bawah PKP, PKPB dan PKPP. Sebarang kesulitan amatlah dikesali dan sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan kami melalui 03-2178 8888, beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam.

Terima kasih kerana berurusan dengan kami.